

Praktis Topikal 5

Soalan Objektif

Jawab soalan-soalan yang berikut dengan memilih jawapan yang paling tepat.

- 1 Pilih pernyataan yang boleh dikaitkan dengan reka bentuk landskap.
 - A Elemen binaan yang terdapat pada seni taman
 - B Gabungan ilmu sains dan seni yang wujud secara kreatif
 - C Proses merancang, mereka bentuk, melaksana dan mengurus landskap
 - D Satu pemandangan semula jadi bergabung dengan hasil buatan manusia
- 2 Landskap jenis ini melibatkan elemen-elemen buatan dan keras.
 - A Landskap kejur
 - B Landskap lembut
 - C Landskap bahan buatan
 - D Landskap binaan manusia
- 3 Antara yang berikut, yang manakah fungsi landskap dari aspek ekonomi?
 - A Mengawal hakisan tanah
 - B Memelihara flora dan fauna
 - C Mencantikan pemandangan persekitaran
 - D Menjadi sumber pendapatan kepada pereka landskap
- 4 Apakah keperluan utama pembinaan landskap berdasarkan gambar di bawah? KBAT Menganalisis

- 5 Bagaimanakah dapat dihasilkan taman awam yang baik?
 - I Perabot taman yang sesuai
 - II Gerai minuman yang menarik
 - III Ruang pergerakan yang selamat
 - IV Tempat teduhan yang mencukupi
 - A I, II dan III
 - B I, II dan IV
 - C II, III dan IV
 - D I, III dan IV
- 6 Bagaimanakah caranya untuk menimbulkan kesan penumpuan dalam reka bentuk landskap?
 - A Pasu bunga pelbagai warna
 - B Ruang pejalan kaki yang luas
 - C Elemen air pancuran di tengah taman
 - D Mewujudkan banyak tumbuhan dan bewarna-warni
- 7 Apakah jenis tumbuhan yang ditanam kerana kecantikan bunganya? KBAT Menganalisis
 - A Bougenvile
 - B Lidah buaya
 - C Pokok palma
 - D Pokok puding
- 8 Mengapakah pelan konsep perlu dihasilkan dalam proses membentuk landskap taman?
 - A Kadar banding landskap
 - B Menentukan saiz landskap
 - C Melukis pelan dengan skala
 - D Merancang idea secara kasar